

# Ilmu kewangan kunci bagi tangani masalah hutang

Selepas bebas hutang, amalkan sifat menabung agar ia dapat membantu kita daripada terjerumus ke pelbagai masalah lain pula

5 May 2014

Puad Ibrahim

SEORANG pakar kewangan baru-baru ini menyifatkan hutang sebagai suatu penyakit.

Bahkan, beliau menggambarannya sebagai "barah yang belum dikesan".

Ini kerana mereka yang menghidapi 'penyakit' hutang itu tidak mungkin sedar betapa bahayanya 'penyakit' itu jika tidak diubati segera.

Bukan sahaja hutang boleh membelit leher si peminjamnya, tetapi ia juga boleh menjerat seluruh anggota keluarga.

Apakan tidak, selain hutang bank, kad kredit atau ubah elok, ada peminjam yang berani mengambil risiko meminjam wang di luar kemampuan mereka.

Mereka sanggup meminjam daripada peminjam berlesen, dan jika tidak cukup, dapatkan wang pula daripada tailong, walaupun mereka sedar kadar bunganya melambung tinggi.

Kalau si peminjam itu bergaji rendah, alamat kehidupan mereka pasti tunggang-terbalik, kerana pinjaman seperti ini sukar dikawal.

Jika tersilap hitung, boleh gigit jari dan menambahkan tekanan dalam kehidupan.

## **TREND BARU**

Kini satu trend baru pula muncul. Trend ini lebih membimbangkan dan boleh mengancam usaha menangani masalah hutang di kalangan anggota masyarakat Melayu.

Ia melibatkan golongan muda yang bergaji rendah.

Berdasarkan satu dapatan Pusat Penasihat Hutang (DAC) Angkatan Karyawan Islam (AMP) baru-baru ini, mereka mendapati kian ramai pasangan muda berusia lewat 20-an tahun dan bergaji \$30,000 setahun menghadapi masalah hutang.

Ramai daripada mereka pula terjerat dek hutang kad kredit, ubah elok dan pembelian secara ansuran.

Sebelum ini, pusat itu banyak membantu mereka yang berusia dalam lingkungan 30-an hingga 40-an tahun, tetapi kini mereka yang menghadapi masalah hutang adalah golongan lebih muda.

DAC juga mendapati 60 peratus mereka yang dibantu itu mempunyai pengurusan kewangan yang lemah, tetapi mahu menjalani gaya hidup dan jangkaan taraf kehidupan yang tinggi, tidak setara dengan yang dimampui mereka.

Bahkan, sesetengah mereka dikatakan mempunyai enam hingga tujuh kad kredit.

Ini bertujuan supaya mereka senang mendapatkan akses kepada wang pinjaman yang mudah.

Antara kes yang ditangani DAC ialah sepasang suami isteri yang menanggung hutang berjumlah \$60,000.

Mereka berhutang dengan 30 peminjam wang berlesen, selepas si suami diberhentikan kerja dan mendapat pekerjaan baru yang gaji yang lebih rendah.

Namun, dengan bantuan DAC, pasangan tersebut mula berjaya melangsaikan beberapa hutang mereka.

Mereka adalah antara 580 individu yang menghidapi 'penyakit' hutang tetapi sedang dibantu oleh pusat tersebut sejak ia ditubuhkan setahun lalu.

Daripada jumlah itu, 410 kes melibatkan nilai hutang melebihi \$12 juta.

Hakikat bahawa bilangan yang dibantu DAC hampir tiga kali ganda daripada jumlah sasaran awal pusat itu menandakan bahawa 'penyakit' hutang di kalangan masyarakat Melayu agak tenat.

Justeru, usaha AMP memberi keutamaan dalam menangani masalah ini harus dialu-alukan.

### **SEKITARAN BEBAS HUTANG**

Namun, mampukah kita bebas hutang dalam konteks ekonomi Singapura yang membenarkan pinjaman?

Apatah lagi bank-bank terbesar di sini juga bergantung kepada kegiatan pinjaman - antara kegiatan penting dalam urusan mereka.

Sememangnya itulah model perniagaan perbankan - mereka memberi pinjaman dan mengenakan kadar faedah untuk si peminjam.

Tanpa bank yang memberi pinjaman, bolehkah ekonomi kita dapat terus berdenyut?

Hakikatnya, bank dan ekonomi amat berkait rapat dan saling bergantung.

Tanpa sektor perbankan yang sihat, ekonomi boleh runtuh.

Malah, banyak urusan niaga bergantung kepada wang pinjaman bank, misalnya modal untuk memulakan perniagaan.

Pinjaman sudah tentu menjadi antara sumber kewangan penting bagi usahawan terus maju dan berkembang dalam perniagaan.

Berapa ramaikah daripada kita mampu membeli rumah atau kereta dengan wang tunai?

Mungkin segelintir sahaja.

amai yang masih memerlukan wang pinjaman bagi menyediakan keluarga mereka tempat berteduh.

Kita perlu berhutang untuk membeli rumah - kemudahan paling asas bagi keluarga.

Justeru, tidak mungkin kita dapat hidup dalam ekonomi yang bebas hutang, malah dalam ekonomi Islam pun ada konsep hutang dan pinjaman.

Hakikatnya, berhutang tidak salah, tetapi berhutang secara berlebihan dan melebihi kemampuan melunaskannya adalah salah.

Ini diburukkan lagi dengan kurangnya pengetahuan dan kesedaran menguruskan isu hutang dengan berkesan.

Seperti dalam banyak hal, pendidikan merupakan kunci dalam usaha menangani masalah hutang.

Sebelum berhutang, sebaiknya timba pengetahuan dahulu tentang cara menguruskannya dan memahami bagaimana sistem pinjaman itu dijalankan.

## **TIMBA PENGETAHUAN**

Ikuti kursus atau ceramah tentang pengurusan wang yang banyak dianjurkan di serata negara.

Sekurang-kurangnya kita tahu selok belok pengaliran wang serta sebab dan akibat menanggung beban hutang yang banyak.

Kita juga harus tahu pelbagai bentuk pinjaman yang ada dalam pasaran supaya tidak tersalah pilih jenis pinjaman yang diperlukan.

Kerana tidak semua pinjaman itu sesuai untuk si peminjamnya.

Jika berilmu, kita juga akan memahami bahawa wang kredit bukan 'rakan' tetapi 'lawan' yang perlu dikawal dengan berhati-hati.

Kalau tiada keperluan, tidak perlu mendapatkan wang kredit, kerana sekiranya tersalah pinjam, badan dan harta benda binasa, bahkan ada yang sampai menjual rumah untuk melangsaikan masalah hutang.

Wang kredit juga mempunyai kadar bunga yang tinggi.

Namun, terjerat dalam masalah hutang tidak bermakna tiada huraian mengatasinya.

Jika dibelenggu masalah hutang, usah malu dapatkan bantuan segera daripada 'dokter-dokter' kewangan atau pusat-pusat bantuan seperti DAC.

Mereka pasti memberi tunjuk ajar untuk merawat 'penyakit' hutang.

Usah biarkan 'barah' hutang merebak dan membakar diri sendiri.

Seawal 'rawatan' didapatkan, seawal dapat keluar daripada lilitan hutang keliling pinggang.

Selepas bebas hutang, usahakan pula sikap menabung kerana inilah yang dapat membantu kita daripada terjerumus ke kancah masalah hutang.